

RM7 juta *baikpulih fasiliti flat*

Proses kerja akan dilaksanakan dalam waktu terdekat, dijangka siap dalam tempoh segera

Foto: BERNAMA



Noh (empat, kiri) berbincang bersama Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Blok A dan B Mazlan Ismail (tiga, kanan) di Flat Desa Perangsang sempena lawatan kerja beliau di Taman Medan, semalam.

HIDAYAH HAIROM

PETALING JAYA - Sejumlah RM7 juta diperuntukkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi projek baik pulih fasiliti dan kemudahan di Flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Taman Datuk Harun, di sini.

ia sekali gus menamatkan penantian penduduk yang selama ini terbeban dengan persekitaran usang di perumahan yang sudah berusia 77 tahun itu.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, kerja-kerja baik pulih berkenaan meliputi penggantian tangki air, bumbung flat dan pembinaan fasiliti sekitar kawasan perumahan.

Menurutnya ia termasuk pembinaan semula sistem perparitan lebih sempurna, pagar khas, serta padang futsal pelbagai guna.

"Flat ini sudah terlalu lama dan memerlukan

perhatian. Tangki air sudah berlumut dan menyebabkan air digunakan penduduk tercemar.

"Sistem perparitan juga teruk menyebabkan air bertakung. Jadi tidak hairanlah Selangor menjadi kawasan wabak denggi kerana kerajaan negeri tidak mengambil berat masalah rakyat terutamanya kategori rakyat miskin yang tinggal di kawasan kos sederhana dan rendah seperti ini," katanya pada sidang media selepas lawatan turun padang ke flat berkenaan, di sini, semalam.

Beliau berkata, proses kerja-kerja berkenaan akan dilaksanakan dalam waktu terdekat dan akan disiapkan dalam tempoh segera memandangkan peruntukan sudah tersedia.

Namun ujarnya, pihaknya mengharapkan kerajaan negeri terutamanya pihak berkuasa tempatan (PBT) memberi kerjasama yang sewajarnya untuk melancarkan proses berkenaan.